KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

E-KERATAN
AKHBAR HARIAN

22 DISEMBER 2022

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

www.rurallink.gov.my | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | kkdw_gov | kkdw_gov | KKDW_GOV Official | kkdw_govofficial

TARIKH:
22 DISEMBER 2022

HALAMAN:
3

ONLINE

Utusan ☐
Berita Harian ☒
Metro ☐
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Pelantikan semula Jazlan sebagai Pengerusi FELCRA ditangguh

PM perjelas kekeliruan soal lantikan politik dalam badan berkanun, GLC

Oleh Rohaniza Idris
dan Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pelantikan semula bekas Ahli Parlimen Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub sebagai Pengerusi FELCRA yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada Jumaat lalu, ditangguhkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata penangguhan berhubung pelantikan semula Ahmad Jazlan itu sudah dimaklumkan kepada Ahmad Zahid.

Pada Jumaat lalu, Ahmad Zahid memaklumkan pelantikan semula Ahmad Jazlan sebagai Pengerusi FELCRA selepas mengambil kira kehendak perwakilan Koperasi Peserta-Peserta Malaysia Bhd.

Dalam sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di sini, semalam Anwar ditanya sama ada pelantikan semula Ahmad Jazlan itu dilihat melanggar arahan Kabinet setelah diputuskan pengerusi dan ahli lembaga pengarah lantikan politik dalam badan berkaitan kerajaan ditamatkan perkhidmatan dengan serta-merta pada 15 Disember lalu.

Perdana Menteri menjelaskan, wujud kekeliruan berhubung soal lantikan politik dalam badan berkanun serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Saya tidak pernah menyatakan tidak boleh mana-mana pihak yang terlibat politik itu menjadi pengurusan tetapi (sebaliknya) mesti terikat dengan syarat-syarat dan mesti ada kelayakan dalam bidang berkenaan," katanya.


Ahmad Jazlan Yaakub

Nilai prestasi individu

Beliau berkata, ada kemungkinan untuk beberapa tokoh atau Ahli Parlimen yang ditugaskan kepada badan berkanun atau GLC, namun kerajaan juga menetapkan kaedah berkaitan tahap keupayaan profesional, prestasi sebelumnya, pematuhan kepada peraturan dan tatakelola yang ditetapkan.

Katanya, keputusan menghentikan lantikan politik yang dibuat pentadbiran sebelum ini bertujuan memberi ruang kepada Kerajaan Persekutuan menilai prestasi pihak terbabit.

"Ia supaya setiap individu yang dilantik berkenaan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

"Saya menangguhkan hal ini kerana ada isu contohnya syarikat kerajaan, syarikat induk menghadapi masalah kewangan tetapi syarikat kecil (mendapat) keuntungan besar dan beri bonus.

"Hal-hal ini kita harus cerakin dalam peraturan dan garis panduan," katanya.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali pada 16 Disember lalu berkata mesyuarat Kabinet memutuskan perkhidmatan pengerusi dan ahli majlis lembaga pengarah lantikan politik ditamatkan dengan segera.

Keputusan itu membabitkan jawatan di badan berkanun Persekutuan, syarikat Menteri Kewangan Diperdanakan, GLC dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Kelmarin, sebuah badan pemikir, IDEAS pula menggesa kerajaan mengeluarkan garis panduan dalam menetapkan kriteria Pengerusi dan Lembaga Pengarah demi melengkapkan ketiadaan kriteria pelantikan pada peringkat badan berkanun, antaranya ahli lembaga mesti memiliki pengetahuan, kemahiran dan pemikiran yang betul.

Selain itu, kriteria penilaian pengarah individu dan Lembaga Pengarah secara kolektif hendaklah telus, disesuaikan dengan keperluan tertentu syarikat, dan secara jelas dikaitkan dengan akibat yang jelas untuk prestasi yang teruk.

TARIKH:
22 DISEMBER 2022
HALAMAN:
22
ONLINE

Utusan Malaysia ☐
Berita Harian ☐
Metro ☒
Kosmo! ☐
Sinar ☐
Star ☐
New Straits Times ☐
南洋商報 ☐
東方日報 ☐
Utusan Borneo ☐
The Borneo Post ☐
New Sabah Times ☐

Pelantikan ditangguh

Putrajaya: Pelantikan semula bekas Ahli Parlimen Machang Datuk Ahmad Jazlan sebagai Pengerusi Felcra yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi pada 16 Disember lalu ditangguhkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Memang sudah dimaklumkan kepada timbalan perdana menteri (Ahmad Zahid) dan ditangguhkan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, di sini, semalam.

Terdahulu Anwar ditanya sama ada pelantikan semula Ahmad Jazlan sebagai Pengerusi Felcra dilihat melanggar arahan Kabinet setelah diputuskan pengerusi dan ahli lembaga pengarah lantikan politik dalam badan berkaitan kerajaan ditamatkan perkhidmatan dengan serta merta pada 15 Disember lalu.

Pada 16 Disember lalu, Ahmad Zahid memaklumkan pelantikan semula Ahmad Jazlan sebagai Pengerusi Felcra selepas mengambil kira kehendak perwakilan Koperasi Peserta-Peserta Malaysia Bhd.

Anwar dalam pada itu berkata, terdapat kekeliruan mengenai soal lantikan politik dalam badan berkaitan kerajaan.

"Cuma ada kekeliruan, saya tidak pernah menyatakan bahawa tidak boleh mana-mana orang terlibat politik itu menjadi pengurusan, tetapi (sebaliknya) mesti terikat dengan syarat dan mesti ada kelayakan dalam bidang itu," katanya.